

13 JUL 2000

AGONG HADIR MESYUARAT RAJA-RAJA KE-186

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini berangkat menghadiri mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-186 di Istana Negara.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Sultan Kelantan.

Turut berangkat ialah semua Raja-Raja Melayu kecuali Sultan Kedah, Pahang dan Johor. Sultan Kedah diwakili oleh Raja Muda sementara Sultan Pahang dan Johor masing-masing diwakili oleh Tengku Mahkota.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut hadir.

Semua Menteri Besar dan Ketua Menteri juga hadir kecuali Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang diwakili Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri Datuk Adnan Satem.

-- BERNAMA

ARA ES RON